

07 JUN 1999

PPP-Anggota

ANGGOTA BARU DALAM PPP TIDAK JEJASKAN KOMPONEN BN

KUALA LUMPUR, 7 Jun (Bernama) -- Penerimaan anggota baru ke dalam Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) bertujuan untuk menguatkan lagi kedudukan Barisan Nasional (BN) dan bukannya sebagai ancaman kepada parti komponen BN yang lain, kata presidennya Datuk M. Kayveas.

Katanya, penyertaan anggota baru sejak akhir-akhir ini bukanlah bermakna ia memancing anggota dari parti komponen lain sebagaimana yang didakwa oleh sesetengah pihak.

"Pendirian PPP adalah untuk membantu calon-calon BN menang dalam pilihan raya umum. Saya merayu kepada pihak-pihak ini supaya tidak +menganak tirikan+ PPP yang juga telah lama menjadi anggota keluarga BN," katanya ketika berucap pada perhimpunan agung tahunan ke-46 parti itu yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Islam hari ini.

Kayveas berkata sejak menyertai BN pada 1973, parti itu masih kekal sebagai ahli komponen sedangkan ada parti yang berpecah kerana ingin berkuasa bersendirian.

"PPP masih percaya BN sentiasa berlaku adil, saksama dalam pengagihan kuasa dan sentiasa mematuhi kepada perjanjian semasa parti-parti menyertai BN," kata beliau.

Beliau berkata PPP, yang telah melalui pelbagai cabaran dan rintangan sehingga dianggap sudah berkubur oleh sesetengah pihak, kini berkembang maju di seluruh negara melainkan Kelantan, Terengganu dan Sarawak.

Kini ia mempunyai lebih 250,000 anggota di seluruh negara dengan 3,200 cawangan.

Kayveas berkata jentera parti telah diarahkan supaya bersiap sedia untuk menghadapi dan memastikan kemenangan 100 peratus bagi BN pada pilihan raya umum akan datang.

Katanya, di bawah pimpinan Dr Mahathir, negara telah membangun dengan pesat sehingga negara-negara luar merasa cemburu dengan kejayaan yang dicapai.

"Kita harus bersyukur kepada Tuhan kerana kita ada Dr Mahathir sebagai seorang pemimpin yang boleh saya katakan sebagai seorang petunjuk, seorang guru, dan seorang intelektual," katanya.

Kayveas berkata Dr Mahathir telah membuktikan keupayaan kepimpinan negara ini apabila berjaya memulihkan ekonomi negara tanpa bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Beliau juga meminta kerajaan mempertimbangkan untuk memberi cuti am pada Hari Vaisakhi, tahun baru bagi masyarakat Sikh, untuk negeri-negeri tertentu.

Perhimpunan itu yang dihadiri oleh lebih 3,000 perwakilan juga meluluskan 21 resolusi, antaranya menyokong penuh kepimpinan Dr Mahathir dan tuntutan gaji bulanan bagi pekerja ladang.

-- BERNAMA

AR WAT